



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bil 1/2025

BULETIN JSG

Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang



ISSN 2289-8964



9 772289 896001

Kualiti Akademik Aktiviti Sukan / Riadah

KANDUNGAN

• Dari Meja Koordinator	01
• Sekalung Penghargaan; Jasamu Dikenang, Sumbanganmu Dihargai	02
• Menjulung Amanah, Menyemai Harapan	03

KUALITI

• JSG Menjulung Penyelidikan Mencorak Masa Depan	04-07
• Perundingan & Kepakaran	08-11
• Penulisan & Penerbitan	12-14
• Penyeliaan Pelajar	15-17
• Penyeliaan Industri	18-19
• Pencapaian & Anugerah	20-21
• Anugerah Felo IKM	22
• Inovasi Pengajaran & Pembelajaran	23
• Inovasi Keusahawanan	24

AKADEMIK

• MOU Signing; UiTM - MCE	25-27
• Pengajaran Kolaboratif	28
• Bengkel Perancangan Strategik	29-30
• Bengkel TOT Misi Akademik JSG 2024	31-32
• K2M Zon Utara	33-34
• JSG @ ESKU 2024	35
	36-37

AKTIVITI

• Promosi program akademik Pra Diploma Sains & Pra Diploma Sains STEM Sastera	36-37
• Sinar Kasih 1.0	38-39
• A DAY IN UITM CPP 2024: Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar	40-41
• Program Explorasi Ilmu Sempena Hari Kanak-kanak	42
• Ziarah Kasih Ramadan 2024 Pelajar Pra Diploma Sains	43-44
• Lawatan Ilmu Sinar Kasih	45-46
• Free Market 8.0	47
• Kemeriahan Aidilfitri bersama pelajar PPT	48-49

SUKAN/RIADAH

• Team Building @ Batu Kurau	50-51
• Sukan Antara Fakulti UiTM Caw. Pulau Pinang	52-53
• KESUTRA 2024	54-55
• SASPEN 2024	56



Bengkel PERANCANGAN STRATEGIK



Bengkel Perancangan Strategik Jabatan Sains Gunaan (JSG) bagi tahun 2024 telah diadakan pada 28 Februari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat JSG, Tingkat 3, Kompleks Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Perancangan strategik adalah agenda penting universiti ke arah memastikan hala tuju universiti sentiasa selaras dengan visi, misi, dan objektif penubuhannya. Ia merupakan pelan jangka panjang yang dirangka untuk mencapai matlamat utama yang ditetapkan seperti kecemerlangan akademik, penyelidikan berimpak tinggi, dan pembangunan pelajar yang holistik.

Selain itu, perancangan strategik turut merangkumi aspek pengukuhan kerjasama industri, peningkatan kebolehpasaran graduan, serta pemantapan infrastruktur dan infostruktur. Selari dengan perkembangan teknologi yang pesat dan perubahan global yang dinamik, universiti perlu menyesuaikan polisi dan strateginya bagi memastikan kelestarian operasi, meningkatkan daya saing, dan terus relevan dalam menghasilkan modal insan berkualiti tinggi untuk pembangunan negara. Usturu itu, seiring dengan usaha bersepadu ke arah mencapai sasaran perancangan strategik yang ditetapkan untuk UiTM CPP bagi tahun 2024, JSG telah diberikan sebanyak 14 petunjuk prestasi (PI) untuk dicapai.

Jadual berikut menunjukkan senarai PI beserta sasaran yang diagihkan untuk JSG.

No. PI	PI	Sasaran
PI053	Number of indexed joint publication with National collaborators.	4
PI054	Number of indexed joint publication with Industry Collaborators.	1
PI061	Number of principal investigators (PI) for research grants: National funded.	6
PI064	Total amount of research grants: National funded.	RM 40,000.00
PI065	Total amount of research grants: Industrial funded.	RM 20,000.00
PI075	Number of University Social Responsibility programmes (USR).	1
PI077	Total amount received (from external) for USR and KTP programmes.	RM 10,000.00
PI078	Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes.	RM 1,050.00
PI079	Number of communities receiving/benefiting from the knowledge/technology diffusion projects.	1
PI080	Number of alumni expert service programme.	1
PI082	Number of MoU/MoA with Top 300 QS World University Ranking (international universities).	1
PI088	Number of staff with professional qualifications.	3
PI090	Number of staff as members in international and national academic/professional bodies/associations/NGO.	5
PI139	Number of indexed publication: Conference proceedings in SCOPUS/WoS and Journal in SCOPUS/WoS/ERA.	18

Secara ringkasnya, kesemua PI tersebut boleh dikategorikan di bawah tiga projek utama, iaitu Good Governance, Prominency & SULAM (PI088 & 090); Research, Publication, Innovation & Solicitude (PI053, 054, 061, 064, 065, 075, 077, 078, 079, 080 & 139); dan Internationalization & Digital Education (PI082). Setiap PI tersebut telah dibentang dan dibincangkan di dalam bengkel ini bagi mengenalpasti kaedah dan strategi khusus untuk mencapai sasarannya. Di akhir bengkel ini, JSG telah berjaya menghasilkan pelan tindakan strategik untuk setiap PI tersebut. Usaha sinergi daripada semua warga JSG dalam melaksanakan setiap pelan tindakan yang telah dirangka diharap dapat membantu ke arah merealisasikan hasrat UiTM menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025.

Hakmilik © 2025 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,
Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan
dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik,
fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.
Diterbitkan pada 30 JUN 2025

UNIT PENERBITAN
JABATAN SAINS GUNAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

